

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	7 August 2015

Buat keputusan usahasama FGV, syarikat perladangan Indonesia - PM

Terserah kepada warga Felda

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 6 OGOS

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyerahkan sepenuhnya kepada komuniti Felda untuk membuat keputusan berhubung usahasama Felda Global Ventures Holding Bhd. (FGV) dengan syarikat perladangan Indonesia, PT Eagle High Plantations Tbk Indonesia.

Menurut Najib, komuniti Felda dan pemilik saham FGV boleh berbuat demikian dalam mesyuarat agung tahunan syarikat berkenaan. Sehubungan itu katanya, semua pihak berkepentingan dalam FGV perlu memikirkan cadangan tersebut secara waras, rasional serta tidak terbawa-bawa dengan hasutan daripada mana-mana pihak sehingga perkara yang baik menjadi sebaliknya, yang hak menjadi batil.

"Sekiranya Idta salah membuat keputusan dan pertimbangan, maka kita boleh terlepas daripada mendapat peluang keemasan yang mungkin sukar untuk kita peroleh pada masa akan datang.

"Apa yang boleh kita lakukan ketika ini adalah membentangkan segala butiran secara jelas dan terperinci mengapa langkah ini wajar dipertimbangkan. Akhirnya terpolanglah kepada pemilik-pemilik saham untuk membuat kata putus dalam hal ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Salam Perantaraan Warga Felda 2015 di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim dan Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd. Isa Abd. Samad dan Pengarah Besar Felda, Datuk Hanapi Suhada.

FGV sebelum ini bercadang untuk memegang 37 peratus kepentingan dalam PT Eagle High bernilai AS\$680 juta (RM2.54 bilion), sekali gus menjadikan FGV pemegang saham terbesar di Eagle High iaitu syarikat ladang kelapa sawit di Indonesia.

Dengan jumlah pegangan tersebut akan memberikan FGV kawalan polisi serta perwakilan di peringkat Lembaga Pengarah.

Dalam pericembangan berkaitan, Najib yakin sekiranya terdapat satu formula yang saling menguntungkan

kan antara satu sama lain, FGV dan masyarakat Felda boleh mengaut keuntungan yang besar.

"(Untuk itu) Kita perlu pastikan semua aspek dalam usahasama ini diteliti dengan sebaik-baiknya dan harga yang kita tentukan jika kita setuju, kemudian boleh kita pertahankan.

"Kita juga faham bahawa kita mahukan pasaran yang lebih besar dan kita ada kekuatan serta kekurangan. Oleh itu, jika berlaku usahasama ini, kekuatan yang ada boleh kita gunakan manakala kekurangan boleh kita tampung," ujanya.

Kata beliau: "Khususnya, FGV yang memerlukan kawasan ladang lebih besar secara berterusan serta tanahnya yang subur dalam usaha mendapatkan hasil lebih tinggi.

"Begitu juga dengan (raktor) adanya pokok-pokok muda yang boleh mengeluarkan hasil yang lebih daripada pokok-pokok sedia ada dalam kumpulan FGV. Maka inilah antara pertimbangan-pertimbangan yang akan memberi kelebihan kepada usahasama ini."

Perdana Menteri dalam ucapannya turut menyentuh kepentingan

Felda sebagai pusat kekuatan politik bagi kerajaan apabila jumlah kerusi Parlimen yang membabitkan pusat peneroka itu adalah sebanyak 54 kawasan dan Dewan Undangan Negeri (DUN) (92 kawasan).

"Sekiranya rata-rata masyarakat Felda penyokong tegar kerajaan, maka selamatlah 54 kawasan Parlimen dan 92 DUN. Cuba bayangkan 54 Parlimen 92 DUN dalam tangan kerajaan, tentu sekali Felda layak digelar sebagai pusat kekuatan politik," ujanya.

Sementara itu dalam ucapan sama, Perdana Menteri juga meminta kejayaan Felda yang dikecapi pada masa ini dipertahankan oleh setiap warganya demi kelangsungan generasi Felda akan datang.

"Janganlah kita biarkan sesuatu yang kita bina selarut ihi musnah oleh kerana tidak melakukan apa yang sepatutnya terutama untuk mempertahankan segala usaha kerajaan selama ini.

"Oleh itu, menjadi kewajipan kepada kita untuk pertahankan kejayaan Felda bagi membolehkan ramai lagi anak dan cucu Felda akan berjaya pada masa akan datang," katanya lagi.



NAJIB TUN RAZAK memperkatakan sesuatu kepada Hanapi Suhada (tiga dari kanan) selepas menyampaikan watakah pelantikan sebagai Penasihat Jawatankuasa gabungan Pemilik Profesional Felda (Garprof) dalam majlis Salam Perantaraan Warga Felda di Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan Penasihat dan Pengarah Sekretariat Garprof, Datuk Mohamad Khairuddin Mohamad (tiga dari kiri), Razali Ibrahim (empat dari kiri) dan Mohd. Isa Abd. Samad (empat dari kanan). - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN